



# Betulkan niat bertanding pemilihan MPP

DH 30.10.2014 v13

**M**enjadi seorang pemimpin mahasiswa bukanlah perkara mudah kerana membabitkan pengorbanan. Pemimpin pelajar bukan saja perlu hebat dalam aspek kepemimpinan tetapi juga dari segi akademik.

Pemimpin baik memerlukan masa yang merupakan kunci kejayaan dalam melakukan tugas.

Kepada calon bakal bertanding dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), paling penting ialah membetulkan niat dan niat (bagi yang beragama Islam) mesti kerana Allah.

Bagi calon yang mempunyai niat bertanding disebabkan ingin popular, saya mendangkan supaya menghentikan niat anda kerana kesannya bukan saja kepada pembangunan universiti tetapi juga terhadap diri sendiri.

Asas kepemimpinan ialah hormat-menghormati antara satu sama lain, merendah diri dan sentiasa memperbaiki

kekurangan diri.

Kadangkala pemimpin akan terlupa apabila berada di atas, tidak mahu tunduk ke bumi. Jangan sombang dalam melaksanakan tugas dan amanah diberikan.

Yang lebih penting ialah belajar dan berusaha memperbaiki diri. Sepanjang menjadi pemimpin mahasiswa, banyak perkara saya pelajari apabila berpeluang mengikuti sebarang program kepemimpinan seperti Program Felo Perdana.

#### Jangan sompong

Baru-baru ini, saya terpilih menyertai delegasi Malaysia bersama-sama Kementerian Luar bawah kepemimpinan Datuk Seri Anifah Aman untuk mengikuti proses pemilihan ahli tidak tetap Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat.

Peluang itu menjadi pengalaman antara yang paling bermakna dalam hidup saya dan tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

**“**  
**BAGI SAYA, KUNCI KEJAYAAN MEREKA IALAH DIPLOMASI DAN KEBIJAK-SANAAN DALAM MENGENDALIKAN FORUM SERTA BERJUMPA DENGAN SEMUA PERWAKILAN SELURUH DUNIA BAGI MEMBINA JARINGAN ANTARABANGSA”**



Sepanjang mengikuti rombongan itu, saya melihat Kementerian Luar berusaha sehabis mungkin memastikan Malaysia menjadi ahli tidak tetap bagi Penggal 2015-2016.

#### Kunci kejayaan

Bagi saya, kunci kejayaan mereka ialah diplomasi dan kebijaksanaan dalam meng-

dalikan forum serta berjumpa dengan semua perwakilan seluruh dunia bagi membina jaringan antarabangsa.

Saya berpeluang melihat proses pengundian di dalam dewan persidangan Majlis Keselamatan PBB yang sememangnya dijalankan secara demokrasi dengan undi adalah rahsia.

Lebih manis, saya dapat bersua dengan semua perwakilan dari seluruh negara anggota PBB.

Sepanjang bersama-sama rombongan itu, saya banyak mempelajari teknik diplomasi, berkommunikasi secara baik dan melakukan kerja dengan pantas tanpa mengetepikan aspek kualiti.